



Biografi Pendek

**Dr. Husna Binti Musa, MBBS (CUCMS), MMed (Paeds) (UPM), Fellowship dalam
Neurologi Pediatrik (Malaysia & London)**

Pakar Pediatrik | Pakar Neurologi Pediatrik | Pensyarah Perubatan

Dr. Husna Musa merupakan seorang pakar pediatrik dan pensyarah perubatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia. Beliau memperoleh ijazah MBBS dari Universiti Cyberjaya pada tahun 2010 dan memulakan latihan kepakarannya dalam bidang pediatrik di UPM pada tahun 2014. Beliau menamatkan pengajian MMed (Pediatrik) pada tahun 2018 sebelum melanjutkan latihan subkepakaran dalam bidang Neurologi Pediatrik di Hospital Tunku Azizah dan Great Ormond Street Hospital for Children, London.

Bidang kepakaran klinikal dan akademik beliau merangkumi pediatrik am, neurologi pediatrik, perkembangan neuro kanak-kanak, pediatrik komuniti serta aktiviti kesukarelawanan dalam bidang perubatan. Dr. Husna aktif dalam usaha pendidikan kesihatan dan sering menyumbang kepada platform keibubapaan seperti *MyPositiveParenting* dan *Moontree*, dengan matlamat untuk memperkasakan ibu bapa melalui ilmu perubatan yang mudah difahami.

Sebagai seorang yang berdedikasi dalam kerja kemanusiaan, beliau giat menyumbang tenaga sebagai sukarelawan bersama IMARET dan Viva Palestina Malaysia, membantu komuniti yang memerlukan di dalam dan luar negara. Dr. Husna juga merupakan ahli seumur hidup Persatuan Pediatrik Malaysia dan ahli Malaysian Society of Neurosciences.

Kepakaran : Pediatrik Umum dan Pediatrik Nerulogi

□ **Jabatan Pediatrik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia**

□ **Emel:** husnamusa@upm.edu.my | □ **Telefon:** 03 – 9769 2610

□ **ORCID:** 0000-0002-0784-2302

□ **Scopus ID:** 57210420314 | □ **Google Scholar:** Husna Musa